

SULIT

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' AHMAD FAUZI BIN ZAHARI
[SETIAWANGSA - BN]**

TARIKH : 23 NOVEMBER 2016 (RABU)

SOALAN (NO. 21)

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan langkah-langkah yang dilaksanakan oleh pihak Kementerian bagi meningkatkan lagi penglibatan golongan Kurang Upaya (OKU) di dalam persatuan-persatuan belia setempat.

SULIT**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Kementerian Belia dan Sukan (KBS) amat menggalakkan penglibatan golongan belia di dalam pertubuhan belia termasuk golongan belia Kurang Upaya (OKU) di dalam persatuan-persatuan belia setempat.
2. Justeru, dalam meningkatkan lagi penglibatan golongan belia Kurang Upaya (OKU) di dalam persatuan-persatuan belia setempat, pihak kementerian telah mengambil langkah yang sama kepada mana-mana pertubuhan belia untuk menggalakkan penyertaan belia dalam persatuan dan kelab berkenaan melalui pendekatan berikut:
 - a) Memberi keutamaan kepada ahli persatuan belia untuk menyertai aktiviti-aktiviti yang dianjurkan oleh Kementerian;
 - b) Pengiktirafan kepada pemimpin dan peserta belia menerusi program Anugerah Remaja Perdana dan Anugerah Perdana Belia Negara;
 - c) Pengupayaan pertubuhan belia melalui penganjuran program secara bersama; dan
 - d) Kementerian juga ada menyediakan kemudahan pendanaan kepada Badan-badan Bukan Kerajaan (NGO) Belia bagi membiayai kos pentadbiran dan pelaksanaan aktiviti NGO.

Sekian, terima kasih.